

TEKS ALUAN

Y.BHG. PROF. DR RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSOLOR UTeM

TOWNHALL BERSAMA YBM

10 September 2019

2.30 petang, Dewan Canselor UTeM

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik

Menteri Pendidikan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan
Malaysia

**Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad
Tajuddin Ali**

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Yang Berbahagia Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik Dan
Pembangunan), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian
Pendidikan Malaysia

Yang Berbahagia. Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal Bin Mohd Amin

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Penyelidikan dan Antarabangsa) Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

Yang Berusaha Dr. Mohd Rashahidi @ Rusdi Bin Mohamood

Pengarah Kanan Kompetensi, mewakili Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia

Dif-Dif Kehormat, Naib Canselor, Rektor Universiti Awam dan Swasta, rakan Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, rakan industri, Pegawai-Pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia, rakan media, hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kersyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada petang yang indah ini, kita dapat dipertemukan di dalam **program Townhall Lets' Gether with Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia.**

2. Saya, bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia di atas kesudian meluangkan masa hadir bersama-sama dengan seluruh warga institusi pendidikan tinggi sekitar Negeri Melaka bagi berkongsi aspirasi dan inisiatif-inisiatif murni dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selendang sutera tekat kelingkan,
Sarung indah menjadi buruan,
Townhall Lets Gether kami anjurkan,
Berkongsi aspirasi, merealisasi impian.

Ceria suria menerangi hari,
Turun menjala di Tasik Chini
Girang rasa tidak terperi,
Menyaksi tuan puan ramai di sini.

Yang Berhormat, hadirin dan hadirat sekalian,

3. UTeM amat berbesar hati atas kepercayaan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyelaras dan menjayakan sesi Townhall Lets' Gather with Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia pada petang ini.

4. Alhamdulillah, atas kerjasama baik yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat, dianggarkan lebih daripada **3,000 orang** pelajar dan staf dari pelbagai institusi pendidikan sekitar Negeri Melaka dapat bersama-sama kita pada petang ini. Pastiya kejayaan penganjuran ini sedikit sebanyak dapat memberi impak kepada kejayaan sesi townhall yang akan menyusul lagi selepas ini.

5. Penganjuran program perkongsian yang berimpak tinggi ini amat dinantikan oleh kami semua, untuk dijadikan sebagai inspirasi dan panduan dalam memperkasakan lagi fungsi kami, sebagai salah satu institusi pendidikan tinggi TVET yang terpenting di negara ini.

6. Ini bagi memastikan supaya segala perancangan dan hala tuju yang direncanakan adalah seiring dengan inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya dalam memperkasakan agenda TVET negara ke arah dekad IR4.0.

7. Selain daripada itu, sesi perjumpaan seumpama ini juga secara langsung dapat meningkatkan lagi kebersamaan Institusi Pendidikan Tinggi secara amnya dan UTeM secara khususnya bersama rakan institusi pendidikan setempat, sekali gus merapatkan lagi ukhwah dan hubungan strategik sesama kita.

Yang Berhormat, Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas kepercayaan yang telah diberikan kepada UTeM dalam merealisasikan sesi Townhall YBM pada hari ini.

9. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada rakan institusi pendidikan dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan kerjasama yang amat baik sehingga program ini dapat direalisasikan dengan jayanya.
10. Akhir kata, sekali lagi jutaan **terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia** yang tidak pernah jemu memberikan nasihat serta sokongan berterusan sehingga program ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

11. Semoga segala usaha yang kita laksanakan terus mendapat keberkatan yang sempurna dan kerahmatan dari Allah SWT.

Terukir indah hiasan singgasana,
Tingkap papan kayu bersegi,
Sokongan YB Menteri begitu bermakna,
Memacu pendidikan Malaysia ke aras tertinggi

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt.*
wbt. Terima kasih.